

18 MAR 1996

Mahathir-Keamanan

KEAMANAN, KEHARMONIAN KAUM DI MALAYSIA LUAR BIASA, KATA DR MAHATHIR

SUNGAI PETANI, 18 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa keharmonian antara kaum dan keamanan di Malaysia adalah perkara yang luar biasa, yang tiada tandingannya dengan negara lain.

Perdana Menteri berkata, keadaan itu harus dianggap sebagai nikmat yang perlu dihargai dan dikekalkan jika rakyat Malaysia mahu terus hidup dalam suasana yang aman damai dan mengharapkan kemakmuran yang berpanjangan.

"Malaysia boleh berbangga ... kita tidak menghadapi masalah walaupun rakyatnya pelbagai bangsa dan agama. Tetapi, kita kadang-kala menganggap keadaan itu perkara biasa sahaja," katanya ketika berucap melancarkan program "Gerak Mesra" peringkat negeri Kedah, anjuran Kementerian Penerangan, di Institut Kemahiran Mara, di sini.

Dr Mahathir memberikan contoh Bosnia-Harzegovina yang walaupun penduduknya dari satu kaum dan bertutur dalam satu bahasa, kini tertelagah dan bermusuhan sesama sendiri hanya kerana berlainan agama.

Mereka saling tidak mempercayai sesama sendiri dan hidup dalam ketakutan, katanya.

Katanya, rakyat Malaysia yang terdiri dari pelbagai keturunan yang bertutur dalam pelbagai bahasa dan menganut pelbagai agama, dapat hidup dalam suasana yang harmoni dan penuh kemesraan tanpa ada syak wasangka sesama sendiri.

Bagaimanapun, katanya, rakyat kadang-kala lupa untuk menghargai nikmat dan hanya sedar apabila menghadapi kesukaran "seperti orang yang jatuh sakit baru tahu menghargai nikmat tubuh yang sihat."

"Orang sihat selalunya tidak menghargai kesihatannya...tak jaga kesihatan, hisap rokok. Kesihatan itu satu kenikmatan.

"Cuma bila kita sakit, barulah sedar betapa pentingnya kesihatan...merasai sakit itu satu bencana, satu malapetaka."

Dr Mahathir berkata, Malaysia aman dan masyarakatnya hidup dalam suasana yang harmoni kerana semua pihak berhati-hati untuk tidak menimbulkan perkara yang boleh meregangkan hubungan kaum.

"Kita selalu berhati-hati, selalu fikir tentang masalah hubungan kaum di Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata bahawa sebagai individu, seseorang kadang-kala terlupa sehingga tersilap langkah dan membiarkan diri dipengaruhi emosi sehingga melakukan perkara yang menyakiti orang lain.

Oleh kerana itu, katanya, kerajaan melancarkan pelbagai kempen termasuk program Gerak Mesra untuk mengingatkan rakyat betapa pentingnya sikap bertolak ansur dan hubungan mesra sesama mereka.

Katanya, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan pilihan rakyat untuk memberi ingatan tentang perkara sedemikian bagi menjamin negara terus aman dan keharmonian rakyat berkekalan.

Perdana Menteri juga berkata bahawa nilai murni ini sebenarnya bermula dari rumah dengan ibu bapa memikul tanggungjawab untuk menyemai sikap mulia dalam diri anak-anak.

Katanya, keluarga yang bahagia akan melahirkan generasi yang berhemah tinggi dan kemesraan dalam keluarga akan berkembang kepada masyarakat keseluruhannya.

Gerak Mesra adalah program yang berteraskan kepada melahirkan masyarakat yang berhati mulia dan berbudaya penyayang. Ia memberi penekanan kepada pembentukan sebuah sistem sosial yang lebih mementingkan masyarakat dari diri sendiri dengan kebajikan rakyat diasaskan pada sistem

kekeluargaan yang kukuh dan mantap.

Hubungan mesra itu akan melahirkan institusi masyarakat yang harmoni dan sekali gus, menguatkan perpaduan negara.

Pada majlis hari ini, Dr Mahathir merasmikan Dewan Mesra Perdana di IKM sebelum menyaksikan gerak kerja -- Mesra Seni, Mesra Minda, Tunas Mesra dan Mesra Mahir -- dan mengikuti aktiviti yang dianjurkan dalam program tersebut.

Kira-kira 5,000 orang menyertai program itu. Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng. -- BERNAMA

MFJ NMO